



Ruj. Kami : JPT.R(BEM)3000/010/04 (2)
Tarikh : 31 Mac 2020

Seperti Senarai Edaran

YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

CARTA ALIR BAGI SARINGAN PELAJAR YANG PULANG DARI LUAR NEGARA BAGI SEMUA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) BERKUATKUASA BERMULA 01 APRIL 2020 SEHINGGA 14 APRIL 2020

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan sedia maklum, kerajaan telah mengisytiharkan **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP Fasa 1) mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020** di seluruh negara bagi menangani penularan wabak pandemik COVID-19. Fasa kedua iaitu **Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (Enhanced Movement Control Order) akan berkuatkuasa mulai 1 April 2020 sehingga 14 April 2020**. Sehubungan dengan itu, surat sebelum ini No. Rujukan: **JPT.R(BEM)3000/010/04 (1)** bertarikh **27 Mac 2020** adalah **TERBATAL**.

3. Selaras dengan garis panduan Majlis Keselamatan Negara (MKN), PKPD, satu garis panduan ringkas baharu bagi pelajar yang pulang dari luar negara telah disediakan mengikut proses seperti berikut:

- i. Saringan di lapangan terbang;
- ii. Jika bergejala, pelajar akan terus dihantar ke hospital;
- iii. Jika tidak bergejala, pelajar akan dibawa oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) ke pusat kuarantin di bawah seliaan NADMA;
- iv. Bagi tempoh kuarantin, pelajar tersebut perlu melaporkan keberadaan mereka kepada institusi masing-masing bagi tujuan rekod dan terus kekal berada di pusat kuarantin sehingga Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) diisytiharkan tamat; dan

- v. Sekiranya tempoh PKPD dilanjutkan, pelajar masih perlu kekal berada di pusat kuarantin sehingga dibenarkan pulang ke rumah atau institusi selepas PKPD ditamatkan.

Untuk keterangan lanjut, sila rujuk carta alir (**Lampiran 1: Carta Alir Bagi pelajar Yang Pulang Dari Luar Negara**). Semua UA dan IPTS juga dimohon untuk merujuk kepada garis panduan dan arahan terkini Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa selaras dengan arahan PKPD yang sedang berkuatkuasa.

3. Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Prof/Dr/Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,




(PROF DR. RAHMAH BINTI AHMAD H. OSMAN)
b.p. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi

s.k.

1. YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Mohd Saleh Bin Jaafar
Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
(Akademik dan Pembangunan)
2. YBhg. Prof. Dr. Mohd Cairul Iqbal bin Mohd Amin
Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
(Penyelidikan dan Antarabangsa)

**CARTA ALIR BAGI SARINGAN PELAJAR DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA
BERKUATKUASA MULAI 01 APRIL 2020 – 14 APRIL 2020**



Nota : Warga KPT juga diminta untuk merujuk kepada garis panduan dan arahan terkini dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) se3aras dengan arahan Perintah Kawalan Pergerakan yang sedang berkuatkuasa.